Lembaga Peperiksaan Malaysia

# KUPASAN MUTU JAWAPAN

## SEJARAH 2
1249/2

## SPM
2013

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**SEJARAH 2**

**Instrumen Pentaksiran**

| | | |
|---|---|---|
| **Kod** | **:** | **1249/2** |
| **Markah** | **:** | **100** |
| **Masa** | **:** | **2 jam 30 minit** |

**Reka bentuk Instrumen Pentaksiran**

Kertas 3 mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

| | | |
|---|---|---|
| Bahagian A | : | Mengandungi 4 soalan struktur.<br>Semua Soalan wajib dijawab.<br>Setiap soalan 10 markah |
| Bahagian B | : | Mengandungi 5 soalan esei.<br>Jawab 3 soalan sahaja<br>Setiap soalan 20 markah. |

Konstruk yang diukur ialah :

- Pengetahuan
- Kamahiran mengaplikasi dan menganalisis

**PRESTASI KESELURUHAN**

Pada keseluruhannya, prestasi calon pada tahun ini adalah cemerlang. Jawapan calon menunjukkan kematangan kerana mampu memberikan idea dan fakta yang tepat. Bahasa yang digunakan oleh calon mudah difahami. Calon berjaya memperoleh markah kerana terdapat soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif [KBKK]. Namun masih terdapat calon yang lemah kerana gagal menguasai fakta.

**PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

**Kumpulan Tinggi**

Jawapan yang dikemukakan oleh calon dalam kumpulan ini adalah tepat mengikut kehendak tugasan. Calon dapat menguasai fakta sejarah dan memberikan huraian beserta contoh yang tepat, teratur dan kemas. Calon dapat menjawab soalan KBKK kerana dapat mengaplikasikan konsep dan pemikiran sejarah. Selain itu calon dapat mengaitkan pengalaman kehidupan dalam konteks sejarah.

**Kumpulan Sederhana**

Jawapan yang dikemukakan oleh calon dalam kumpulan ini masih tepat tetapi hanya mampu memenuhi sebahagian daripada kehendak tugasan. Calon masih menguasai fakta sejarah tetapi huraian beserta contoh tidak tepat dengan kehendak soalan. Calon dalam kumpulan ini memberikan jawapan yang berulang-ulang dan fakta tidak mencukupi dengan

kehendak tugasan. Pengetahuan am calon yang tidak meluas menyebabkan calon tidak dapat mengaitkan pengalaman hidup dalam konteks sejarah untuk menjawab soalan KBKK.

**Kumpulan Rendah**

Jawapan yang dikemukakan oleh calon dalam kumpulan ini umum, tidak tepat dan memenuhi kehendak tugasan. Calon tidak menguasai fakta sejarah menyebabkan jawapan calon tidak relevan. Calon kumpulan ini memberikan jawapan terpesong daripada kehendak soalan. Malahan ada juga calon yang hanya menyalin semula soalan. Terdapat calon yang menulis jawapan yang terlalu ringkas kerana tidak memahami format penulisan esei. Calon juga gagal menunjukkan kematangan berfikir untuk menjawab soalan KBKK.

**PRESTASI TERPERINCI**

1 Peta 1 menunjukkan lokasi bandar-bandar terancang dalam tamadun Indus.




Peta 1

(*a*) Apakah bandar X dan Y?

X: ..............................................................

Y: ..............................................................

Calon dikehendaki mengemukakan dua nama bandar berdasarkan Peta 1 iaitu bandar Harappa dan Mohenjo Daro.


X: Harappo..............................................

Y: Mohenjo - Daro........................................

Jawapan yang diberikan dengan tepat dengan kehendak soalan.

**X:** ...Harappa.................................................

**Y:** ...Harappa.................................................

Calon hanya menulis yang sama bagi kedua-dua bandar. Hal ini menunjukkan bahawa calon tidak pasti dengan jawapan dan hanya meneka sahaja.

(*b*) Nyatakan **dua** keistimewaan bandar-bandar tersebut.

1. ..........................................................................................................

2. ..........................................................................................................

Soalan meminta calon memberikan keistimewaan tanpa menyebut nama bandar tersebut

1. Bandar terancang
2. Sistem kumbahan terancang
3. Setiap rumah kediaman dipisahkan dengan jalan raya yang lurus dan lebar
4. Bandar berbentuk segi empat

Calon dapat menyatakan ciri-ciri keistimewaan bandar terancang dalam tamadun Indus. Antaranya mempunyai sistem kumbahan dan mempunyai jalan raya yang lurus.

1. mempunyai jalan raya yang lurus dan lebar
2. mempunyai pelabuhan

Jawapan diberikan hanya memenuhi sebahagian kehendak tugasan.

1. mempunyai bandar terancang
2. mempunyai kemajuan ekonomi

Jawapan yang diberikan tidak menepati kehendak tugasan.

(*c*) Berdasarkan kajian anda, mengapakah masyarakat Indus berjaya membina bandar terancang terawal di dunia?

..............................................................................................................

..............................................................................................................

Soalan berkehendakan calon menyatakan faktor yang mempengaruhi keupayaan masyarakat Indus berjaya membina bandar terancang terawal di dunia.

Mereka berusaha menggunakan mempunyai fikiran kreatif dan inovatif dalam menghasilkan sesuatu serta mempunyai penguasaan dalam bidang geometri dan matematik.

Jawapan berdasarkan idea yang matang dan bersesuaian dengan kehendak tugasan.

Disebabkan oleh penggunaan teknologi, contohnya

Hanya satu sahaja jawapan yang diberi dan tidak memenuhi kehendak tugasan.

Perkembangan dalam bidang pertanian dan perkembangan dalam sistem pengangkutan.

Jawapan dikemukakan tidak tepat dan tidak memenuhi kehendak tugasan.

(*d*) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kemajuan dan kecemerlangan tamadun Indus.

..............................................................................................................

..............................................................................................................

Soalan mengkehendaki calon menjelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kemajuan dan kecemerlangan Tamadun Indus.

1 Kita hendaklah memanfaatkan segala kreativiti untuk memajukan negara.

2 Sikap keterbukaan ~~perk~~ untuk menerima perubahan baru perlu boot mencapai kemajuan.

Mutu jawapan menunjukkan idea yang matang dan bertepatan dengan kehendak tugasan.

Kita hendaklah berusaha memajukan sektor perdagangan

Calon hanya mengemukakan satu jawapan sahaja yang diberikan.

Iktibar yang boleh diambil daripada kemajuan dan kecemerlangan tamadun Indus ialah

Calon sekadar menyalin semula soalan, kerana tidak mengusai tajuk tersebut.

(*e*) Terangkan ciri bandar moden yang anda idamkan.

Soalan berkehendakan calon menerangkan ciri bandar moden yang diidamkan.

1. Dilengkapi dengan teknologi yang canggih
2. ~~Pelbagai~~ Pelbagai jenis tumbuhan ditanam di ~~sekeliling~~ sekeliling bandar untuk menceriakan bandar tersebut
3. Perancangan bandar yang moden dan canggih serta terlindung daripada pencemaran

Jawapan menyatakan ciri-ciri bandar moden yang diidamkan dengan logik dan bernas.

ciri bandar moden yang saya idamkan ialah ada tempat media tinggal

Satu jawapan sahaja yang diberikan tentang ciri-ciri bandar moden yang diidamkan.

berkawan dengan bandar lain. berkawan dengan kaum lain

berkawan dengan kawan agama lain.

Jawapan yang diberikan tidak memenuhi  kehendak tugasan.

2 Masyarakat Arab sebelum Islam dikenali sebagai masyarakat jahiliah.

(*a*) Apakah maksud jahiliah?

..........................................................................................................

Soalan meminta calon menjelaskan maksud jahiliah.

Berasar daripada perkataan Arab iaitu jahala yang bermaksud bodoh jahil dan tidak mengetahui.

Jawapan yang diberikan dapat menyatakan maksud zaman jahiliah dengan lengkap dan terperinci.

Masyarakat yang jahil

Jawapan hanya menyatakan maksud perkataan jahiliah tanpa dapat menjelaskan dengan terperinci dan lengkap..

Maksud Jahiliah ialah Zaman kegelapan

Calon menyamakan zaman jahiliah sebagai Zaman Gelap di Eropah. Mereka kurang jelas dengan konsep jahiliah dan zaman Gelap di Eropah.

(*b*) Pada pendapat anda, mengapakah Zaman Jahiliah dianggap sebagai zaman kegelapan?

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

Calon dikehendaki memberikan sebab-sebab zaman jahiliah dianggap sebagai zaman kegelapan.

Zaman Jahiliah dianggap kegelapan kerana masyarakat tidak beriman kepada Allah sebaliknya menyembah berhala. Seterusnya, tiada ~~[illegible]~~ yang mampu membimbing masyarakat. Selain itu, tiada rasul dan nabi untuk membimbing manusia.

Calon berjaya menjelaskan ciri-ciri zaman jahiliah dengan tepat dan padat.

- ekonomi tidak stabil
- Politik yang merosot
- Pemimpin yang tidak berwibawa
- keamanan negara merosot
- Tidak mempunya pentadbiran yang mantap.

Jawapan dikemukakan bercampur aduk antara ciri zaman jahiliah dengan zaman kegelapan di Eropah. Jawapan tidak menunjukkan pengetahuan yang jelas tentang zaman gelap dimana ia dijawab secara logik akal dan tidak bertepatan dengan kehendak tugasan.

(*c*) **Nyatakan tiga kesan sekiranya masyarakat Malaysia mengamalkan amalan jahiliah.**

1. ..........................................................................................

..........................................................................................

2. ..........................................................................................

..........................................................................................

3. ..........................................................................................

..........................................................................................

Calon diminta untuk menyatakan kesan sekiranya masyarakat Malaysia mengamalkan amalan jahiliah.

1. masyarakat akan berpecah belah dan sering berperang.

2. negara akan mundur kerana masyarakat yang tidak bersatu padu

3. Merendahkan imej Islam kerana amalan jahiliah bertentangan dengan Islam

4 - dipandang hina oleh negara lain

5 - agama Islam menjadi mundur.

Jawapan diberikan, mempamerkan jangkaan situasi yang akan berlaku di Malaysia sekiranya Malaysia mengamalkan ciri-ciri zaman jahiliah.

1. masa depan yang hancur.

2. Beruntung dapat mempelajari sesuatu.

3. akan dihukum

Jawapan hanya menyatakan sebahagian daripada usaha yang boleh dilakukan untuk membendung sifat jahiliah dalam kalangan masyarakat moden hari ini.

1. Malaysia akan di pandang baik

2. Malaysia akan dipandang negara yang maju

3. Nama Malaysia akan naik

Jawapan dikemukakan tidak selari dengan kehendak tugasan. Oleh itu, jawapan yang diberikan hanya menyenaraikan kesan positif yang akan berlaku ke atas negara Malaysia.

(*d*) Cadangkan **tiga** langkah yang berkesan untuk membasmi sifat jahiliah dalam kalangan masyarakat moden pada hari ini.

1. ....................................................................................................

....................................................................................................

2. ....................................................................................................

....................................................................................................

3. ....................................................................................................

....................................................................................................

Calon diminta memberi cadangan yang berkesan untuk membasmi sifat jahiliah dalam kalangan masyarakat moden pada hari ini.

1. member ilmu pengetahuan kepada masyarakat moden.
2. mendekatkan masyarakat dengan agama seperti ceramah agama
3. memperbanyakkan perpustakaan dan menggalakkan masyarakat untuk membaca untuk membasmi kejahil
4. mengadakan kempen tentang ilmu pengetahuan.

Jawapan calon hanya berfokus kepada usaha-usaha yang patut diambil bagi membasmi sifat jahiliah dalam kalangan masyarakat hari ini.

1. Memupukan sifat jahiliah kepada pelajar sekolah
2. ibu bapa wajib mengajarkan sifat jahiliah kepada anak-anak
3. Memberikan nasihat tetang sifat jahiliah kepada ~~orang~~ masyarakat moden

Calon mengemukakan sebahagian daripada usaha yang boleh dilakukan untuk membendung sifat jahiliah dalam kalangan masyarakat moden hari ini.

1. Langkah pertama ialah tidak boleh membina bangunan - bangunan yang besar kerana akan menyebabkan kegelapan.
2. Langkah yang kedua ialah setiap rumah mesti mengadakan ruang ditengah rumah untuk mengadakan cahaya matahari dengan terang.
3. Langkah yang terakhir sekali ialah memasang lampu - lampu di semua tempat yang menyebabkan kegelapan.

Jawapan tidak berkaitan dengan kehendak tugasan.

Calon diminta calon menjelaskanmaksud Gerakan Islah.

Satu gerakan pemulihan yang mendorong masyarakat melayu mengubah pandangan tentang agama Islam.

Jawapan diberikan dapat menyatakan maksud Gerakan Islah dan menepati kehendak tugasan.

Mendorong masyarakat supaya membetulkan pandangan mereka ke arah Islam yang sebenar.

Calon hanya menyatakan sebahagian daripada maksud Gerakan Islah.

Gerakan Islah ialah gerakan yang dipimpin oleh kaum muda

Jawapan dikemukakan tidak memberikan maksud Gerakan Islah dengan tepat.

(*b*) Namakan **dua** orang tokoh gerakan tersebut.

1. ..........

2. ..........

Calon diminta menamakan dua orang tokoh gerakan Islah.

1. Syeikh Tahir Jalaludin

2. Syed Syeikh al-Hadi

Dr. Burhanuddin al-Helmy

Calon dapat menyenaraikan nama pemimpin Gerakan Islah dengan tepat dan jelas

(*c*) Jelaskan saranan Gerakan Islah terhadap orang Melayu.

........................................................................................................

........................................................................................................

Soalan ini meminta calon menjelaskan saranan Gerakan Islah terhadap orang Melayu.

mengkritik penjajah

- menerangkan bahawa agama Islam bukan hanya untuk akhirat sahaja
- memperkembangkan ilmu pengetahuan orang Melayu
- memperkembangkan ilmu politik orang Melayu

Jawapan yang dikemukakan dapat menyatakan saranan yang telah dibuat oleh Gerakan Islah.

untuk memperkembangkan ilmu pengetahuan

Terdapat jawapan yang diberikan hanya menyenaraikan satu sahaja saranan dan tidak menepati kehendak tugasan.

untuk memerdekakan negara pada masa itu.

Jawapan diberikan calon tidak berkaitan dengan kehendak tugasan.

(*d*) Jelaskan halangan yang dihadapi oleh Gerakan Islah.

........................................................................................................

........................................................................................................

Soalan meminta calon menjelaskan halangan yang dihadapi oleh Gerakan Islah.

sekatan undang-undang
- Tidak mendapat sokongan drpd pembesar dan raja
- Boleh dilaksanakan di negeri-negeri selat sahaja kerana tidak terdapat raja.
- Risalah dan buku mereka tdk dibenarkan dibawa masuk

Calon dapat menyatakan halangan yang diterima oleh Gerakan Islah dengan tepat.

Penentangan British terhadap tanah melayu

masyarakat yang mementingkan diri sendiri.

Jawapan ikemukakan hanya menepati sebahagian daripada kehendak tugasan.

halangan yang dihadapi oleh Gerakan Islah

ialah berlakunya perbuatan keji terhadap gerakan ini.

Jawapan yang diberikan tiada kaitan dengan halangan yang diterima oleh Gerakan Islah.

(*e*) Gerakan Islah sepatutnya disokong oleh orang Melayu. Berikan alasan anda untuk menyokong pernyataan tersebut.

........................................................................................................

........................................................................................................

........................................................................................................

........................................................................................................

Calon diminta memberikan alasan Gerakan Islah sepatutnya disokong orang Melayu.

Gerakan Islah sepatutnya disokong oleh Orang Melayu bagi mengubah pandangan terhadap ajaran Islam dan meningkatkan kemajuan pendidikan orang Melayu selain itu, bagi mengimbangi ilmu dan kemajuan dunia dan akhirat.

Jawapan yang diberikan tepat bagi mewajarkan Gerakan Islah disokong oleh orang Melayu.

Gerakan Islah sepatutnya disokong kerana ia boleh mendidik musyarakat tentang islam dan dapat membasmi sifat Jahiliah dalam kalangan musyarakat.

Jawapan hanya menyatakan satu alasan sahaja yang mewajarkan Gerakan Islah perlu disokong oleh orang Melayu.

membuat satu perlimen

mengangdin calon yang disokong

Mengadakan kempen-kempen berkempiven di tepi-tepi jalan.

membuat cabatan yang menang.

Jawapan dikemukakan tidak berkaitan dengan kehendak tugasan.

**4** Pernyataan berikut menerangkan kedudukan bahasa Melayu dalam perlembagaan negara.

> Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah memperuntukkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Calon dikehendaki menyenaraikan tiga langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan.

1. Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka
2. Pelancaran Bulan Bahasa dan "Minggu Bahasa"
3. Pelancaran Slogan "Bahasa Jiwa Bangsa"
4. Penggunaan bahasa Melayu dalam mahkamah

Calon dapat menyenaraikan dengan tepat langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

1. memartabatkan bahasa kebangsaan

2. Penguasaan bahasa kebangsaan dalam kalangan segelintir masyarakat kita.

3. mewajibkan ... lulus bahasa Melayu di peperiksaan.

Jawapan dikemukakan hanya dapat menyenaraikan satu daripada kehendak tugasan.

1. Dipraktikan sebagai bahasa kebangsaan.

2. Dididik sejak kecil untuk bercakap Bahasa Melayu.

3. Kerajaan memperkenalkan bahasa Melayu kepada masyarakatnya.

Jawapan yang diberikan tidak relevan dengan kehendak tugasan.

(*b*) Pada pandangan anda mengapakah kita perlu memartabatkan bahasa kebangsaan?

..........

..........

..........

..........

Calon diminta menyatakan sebab-sebab kita perlu memartabatkan bahasa kebangsaan.

Bahasa kebangsaan ialah identiti sebuah negara.

Bahasa kebangsaan dapat memupuk semangat patriotik rakyat.

Calon mengemukakan jawapan yang bernas, tepat dan bersesuaian dengan kehendak tugasan.

mengekalkan bahasa ibunda

bahasa melambangkan bahasa kebangsaan

bahasa merupakan bahasa orang melayu

Jawapan calon hanya berdasarkan pengetahuan am semata-mata.

Pada pandangan saya, bahasa kebangsaan kita adalah bahasa melayu. kita perlu ~~mem~~pritik melayu dan mengutamakan islam.

Jawapan tidak menepati kehendak tugasan.

(*c*) **Pada pandangan anda, mengapakah penguasaaan bahasa kebangsaan masih kurang diyakini dalam kalangan segelintir masyarakat kita?**

........................................................................................................

........................................................................................................

Soalan meminta calon memberikan sebab-sebab bahasa kebangsaan masih kurang diyakini dalam kalangan segelintir masyarakat kita.

Kerana kerajaan tidak bertegas tentang penguasaan bahasa ~~ke~~ kebangsaan dan masyarakat memandang remeh terhadap bahasa kebangsaan.

Jawapan dikemukakan calon tepat dan bernas serta bersesuaian dengan kehendak tugasan

tidak cukupi ~~pengetahuan ilmu~~ ilmu pengetahuan

Hanya satu isi sahaja yang mampu dikemukakan dalam jawapan.

Pada pandangan saya, hak manusia pasti melebihi cakap bahasa melayu kita diyakini dalam kalangan segelintir masyarakat kita.

Jawapan tidak memenuhi kehendak tugasan.

(*d*) Berikan **tiga** cadangan anda untuk memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat masa kini.

1. ..........

2. ..........

3. ..........

Calon diminta mengemukakan tiga cadangan untuk memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat masa kini.

1. Berbual - bual dengan kawan menggunakan bahasa kebangsaan.
2. Mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan bahasa kebangsaan
3. Mengadakan program pengajaran bahasa Melayu.
4. Sekolah haruslah mengamalkan "Bulan Bahasa" dan "Minggu Bahasa

Jawapan diberikan bersesuaian dengan kehendak tugasan.

1. Membuat kempen tentang bahasa kebangsaan.
2. Memberi didikan daripada sekolah rendah hingga Universiti.
3. Selalu praktis penggunaan bahasa kebangsaan pada setiap hari

Jawapan yang dikemukakan hanya dapat menyatakan sebahagian daripada kehendak tugasan.

1. orang ramai
2. adil
3. tolong - menolong.

Calon mengemukakan jawapan yang tidak tepat dan tidak berkaitan daripada kehendak tugasan.

(*a*) Jelaskan ciri kerajaan maritim.

Calondiminta menjelaskaan ciri kerajaan maritim.

Ciri kerajaan maritim ialah kedudukannya berhampiran dengan sungai atau laut dan lembah sungai.

Selain itu, ciri kerajaan maritim ialah mempunyai pelabuhan serta kemahiran membaiki kapal.

Seterusnya, ciri kerajaan maritim ialah terdapat orang laut yang menjaga keselamatan laut.

Di samping itu, ciri kerajaan maritim menjalankan aktiviti memungut hasil laut dan menjalankan perdagangan di pelabuhan.

Ciri kerajaan maritim ialah mempunyai orang yang pandai melayar kapal serta terdapat gudang menyimpan barang.

Ciri kerajaan maritim ialah terdapat barang kemewahan seperti manik untuk diperdagangkan.

Jawapan yang diberikan lengkap beserta huraian dan contoh yang sesuai.

Ciri-ciri kerajaan maritim ialah terletak di lembah sungai atau persisiran pantai.

Kerajaan Maritim menjalankan perdagangan.

Kerajaan Maritim mewujudkan 3 jenis pelabuhan

Pelabuhan pembekal berperanan membekalkan bahan makanan.

Pelabuhan kerajaan diperkenalkan apabila menunjukkan kerajaan.

Pelabuhan entrepot diperkenalkan apabila wujudnya hubungan diplomatik dengan negara lain.

Kerajaan maritim mendapatkan barangan mentah daripada kerajaan agraria.

Kerajaan maritim menyediakan pelabuhan yang baik seperti kemudahan penyimpanan barang.

Jawapan menepati kehendak tugasan namun tidak disertakan dengan huraian dan contoh yang sesuai.

a. Ciri kerajaan maritim ialah :-

- mempunyai kemahiran dalam pelayaran
- kedudukan menghampiri sungai atau laut
- berdagang
- mempunyai pusat perlaburan

Jawapan tidak mengemukakan huraian yang lengkap dan contoh yang sesuai.

(*b*) Mengapakah kerajaan Kedah Tua berkembang maju sebagai sebuah kerajaan maritim? [4 *markah*]

Calon diminta menyatakan sebab-sebab Kerajaan Kedah Tua berkembang maju sebagai kerajaan maritim.

sebab kerajaan Kedah Tua berkembang maju sebagai sebuah kerajaan maritim ialah kedudukan strategik.
Selain itu, kerajaan Kedah Tua mempunyai Gunung Jerai yang sebagai petunjuk arah.
Di samping itu, kerajaan Kedah Tua terlindung daripada angin monsun.
Seterusnya, kerajaan Kedah Tua mempunyai kemahiran membaiki kapal yang baik.
Tambahan pula, kerajaan Kedah Tua mempunyai gudang untuk pedagang menyimpan barang.
Selain itu, kerajaan Kedah Tua menyediakan tempat petemuan dan mempunyai banyak barang yang istimewa.
Di samping itu, kerajaan Kedah Tua mempunyai badan yang

Jawapan dikemukakan dapat menyatakan sebab-sebab dengan jelas beserta dengan huraian yang lengkap dan contoh-contoh yang sesuai.

maritim kerana ~~gunung~~ ~~Jerai~~ Gunung Jerai yang menjadi panduan kepada pelayar.

Selain itu, kerajaan Kedah Tua juga terlindung daripada tiupan angin ~~monsu~~ monsun dan sesuai untuk dijadikan pelabuhan.

Kerajaan Kedah Tua juga mempunyai pelabuhan yang aktif dan membekalkan ~~kemudahan~~ kemudahan perdagangan serta membekal keperluan asas kepada pedagang.

Kerajaan Kedah Tua juga mempunyai ~~baha~~ sumber bahan mentah yang banyak seperti hasil hutan untuk diperdagangkan di pelabuhan.

Kedudukan kerajaan Kedah Tua juga strategik dan terletak di pertengahan laluan perjalanan perdagangan antara timur dengan barat dan di Selat Melaka.

Mata wang juga diperkenalkan di kerajaan Kedah Tua untuk memudahkan perdagangan.

Calon menyatakan faktor kebangkitan Kedah Tua sebagai sebuah kerajaan maritim. Jawapan tidak disertakan dengan huraian dan contoh-contoh yang sesuai.

b. Kerajaan Kedah Tua berkembang maju sebagai sebuah kerajaan maritim kerana :-

- kedudukan yang strategik
- mempunyai ~~pelabuhan~~ pusat perlabuhan yang besar
- bantuan dari angin monsun barat utara dan angin monsun timur selatan.
- mempunyai kemahiran pelayaran yang moden

Jawapan dikemukakan tidak relevan tanpa huraian yang lengkap dan contoh yang sesuai.

**5** Kerajaan Kedah Tua yang muncul pada abad ke-5 hingga abad ke-13 Masihi merupakan kerajaan maritim yang terunggul di Asia Tenggara.

(*c*) (i) Apakah manfaat yang diperoleh sekiranya Malaysia menjadi sebuah kuasa maritim yang unggul? [6 *markah*]

Soalan mengkehendaki calon menyatakan manfaat yang diperoleh sekiranya Malaysia menjadi sebuah kuasa maritim yang unggul.

5(c)(i) Manfaat yang dapat ~~d~~ diperoleh sekiranya Malaysia menjadi sebuah kuasa ~~M~~ maritim yang unggul ialah pendapatan negara akan bertambah.

Selain itu, ekonomi negara dapat dibangunkan . perdagangan dijalankan dengan pesat dan menarik minat pelabur asing datuk melabur di Malaysia.

Sektor perindustrian dan perkilangan dalam Malaysia juga dapat dikembangkan dan ditingkatkan.

Malaysia juga menjadi ~~kuasa~~ negara yang kuat dan kedaulatan negara dapat dipelihara ~~kawasan~~ sekiranya Malaysia menjadi sebuah kuasa maritim yang unggul.

Di samping itu tentera laut yang kuat juga dapat dibina untuk menjaga keselamatan pelabuhan.

Seterusnya, taraf hidup penduduk juga dapat ditingkatkan dan prasarana pendidikan atau kemudahan awam dapat dinaikkan.

Sistem perhubungan Malaysia juga akan pesat dikembang dan dibangunkan.

Selain itu, imej negara Malaysia ~~di~~ dan maruah bangsa di persada dunia ~~di~~ dapat ditingkatkan.

Malaysia sebagai kuasa maritim yang unggul ~~juga akan~~ dihormati oleh negara lain, teknologi dan sains dapat dimajukan, dan peluang pekerjaan dapat diwujudkan dengan banyak.

Calon menyatakan manfaat yang diperoleh Malaysia dengan menjadi sebuah kuasa maritim yang unggul.disokong dengan huraian yang jelas dan contoh yang tepat.

(i) Manfaat yang diperoleh sekiranya Malaysia menjadi sebuah kuasa maritim yang unggul ialah mendapat pendapatan yang lumayan.

Selain itu, pendapatan yang lumayan itu dapat membangunkan negara serta prasarana dilengkapi.

Seterusnya, Malaysia dapat mengharumkan namanya di persada dunia dan dapat meningkatkan imej dan maruah negara.

Di samping itu, Malaysia ~~menjadi~~ mempunyai masyarakat yang majmuk

Tambahan pula, rakyat dapat menguasai bahasa asing dengan baik akibat sentiasa bertemu dengan orang asing.

Selain itu, pelaburan asing terhadap Malaysia meningkat dan industri pelancongan berkembang pesat.

Seterusnya, masyarakat dapat menyebarkan agama Islam kepada orang ~~t~~ asing.

Di samping itu, rakyat dapat hidup selesa akibat pendapatan yang lumayan.

Seterusnya, mengurangkan beban kewangan kerajaan.

Jawapan diberikan menepati kehendak tugasan namun isi dan jawapan tidak dihuraikan dengan mantap.

c. i. Manfaat yang diperoleh sekiranya Malaysia menjadi sebuah kuasa maritim yang unggul ialah :-

- mengeratkan hubungan yang baik dengan negara-negara lain.
- ekonomi negara akan meningkat.
- menjadi negara pengeksport.
- taraf hidup rakyat akan ~~meng~~ meningkat.
- mendapat ilmu pengetahuan dari ~~ta~~ luar negara.
- Hidup rakyat dapat menjamin.

ii. Pada pendapat saya, usaha yang perlu dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah kuasa maritim yang maju ialah :-

- memupuk ~~semga~~ semangat keberanian untuk melayar kapal.
- ~~membina~~ menjadi pusat perlabuhan yang besar.

Jawapan dikemukakan tanpa huraian dan contoh yang sesuai.

(ii) Pada pendapat anda, apakah usaha yang perlu dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah kuasa maritim yang maju?

[6 *markah*]

Calon diminta menyatakan usaha yang perlu dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah kuasa maritim yang maju.

Usaha yang perlu dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah kuasa maritim yang maju ialah menjalankan hubungan diplomatik dengan negara lain serta melicinkan perjalanan perdagangan di pelabuhan.

Malaysia harus memperkuatkan angkatan tentera laut untuk menjamin keselamatan negara.

Malaysia harus menjalankan pertukaran teknologi dengan negara maju.

Kerajaan perlu memberi subsidi dan bantuan untuk nelayan dan pengusaha pelabuhan.

Malaysia harus menubuhkan banyak institusi pelajaran supaya pelajar meningkatkan ilmu pengetahuan pelbagai bidang dan berupaya memajukan negara.

Pelajar mempelajari ilmu sains dan teknologi serta mendalami ilmu ICT.

Jawapan dihuraikan beserta contoh-contoh yang lengkap dan betul.

5 (c) (ii) Usaha yang perlu dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah kuasa maritim yang maju ialah membina pelabuhan yang moden dan menyediakan prasarana atau kemudahan yang canggih.

Selain itu, Malaysia juga harus mempunyai kemahiran untuk membina kapal besar dan membaiki kapal.

Di samping itu, Malaysia harus mempunyai tentera ~~laut~~ laut yang kuat untuk menjaga keselamatan laut dan memastikan perdagangan di pelabuhan berjalan lancar. Malaysia juga harus mempunyai bahan mentah yang banyak untuk diperdagangkan.

Usaha lain yang dapat dilaksanakan ialah memperkenalkan undang-undang laut yang adil dan menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain.

Usaha lain ialah melahirkan masyarakat yang berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang ~~ter~~ untuk mencapai kemajuan dalam sains dan teknologi. Kerajaan juga boleh mengeluarkan dasar-dasar dan meningkatkan proses permohonan pelaburan untuk menarik pelabur berlabur di Malaysia.

Seterusnya, ~~ke~~ politik negara juga perlu ~~stabil~~ stabil dan rakyat Malaysia perlu bersatu-padu demi mewujudkan Malaysia sebagai kuasa maritim yang maju.

Kerajaan juga ~~[illegible]~~ perlu memanfaatkan kedudukan Malaysia yang strategik di laluan perdagangan dan berusaha memajukan sistem perhubungan.

Jawapan diberikan tepat tetapi tidak disertakan dengan contoh yang sesuai.

Malaysia perlu menjalinkan hubungan diplomatik yang baik dengan negara maju

Malaysia perlu merancangkan program pertukaran teknologi dengan negara maju.

Rakyat Malaysia perlulah rajin menuntut ilmu pengetahuan.

Rakyat Malaysia perlulah memupuk semangat perpaduan antara kaum.

Kerajaan Malaysia perlulah menggalakkan rakyat Malaysia menceburi bidang perdagangan.

Rakyat Malaysia perlulah melibatkan diri dalam dasar-dasar kerajaan.

Rakyat Malaysia perlu taat setia kepada raja dan negara.

Rakyat Malaysia perlu melibatkan diri dalam bidang perdagangan.

Kerajaan Malaysia perlu menyediakan peluang untuk melanjutkan pelajaran kepada rakyat

Jawapan dikemukakan tanpa huraian dan contoh yang sesuai.

**6** Peristiwa pembukaan semula kota Makkah berlaku pada tahun 630 Masihi bersamaan tahun 8 Hijrah.

(*a*) Mengapakah Nabi Muhammad SAW membuka semula kota tersebut?

[4 *markah*]

Soalan mengkehendaki calon menyatakan sebab-sebab Nabi Muhammad SAW membuka semula kota Makkah.

(a) Tujuan Nabi Mohammad membuka kota Makkah kerana Makkah merupakan tempat asal Kaabah. Selain itu, kota Makkah merupakan tempat lahir Nabi Mohammad. Kota Makkah juga merupakan tempat asal Nabi Mohammad dan orang Islam. Selain itu, tujuan pembukaan kota Makkah ialah strategi menyebar Islam. Di samping itu, kota Makkah dibuka kerana orang Quraisy melanggar Perjanjian Hudaibiyah.

Setiap isi jawapan mempunyai huraian dan contoh-contoh yang sesuai.

Nabi Muhammad SAW membuka semula kota Makkah atas sebab-sebab tertentu. Pertama adalah disebabkan oleh orang Arab Quraisy yang telah melanggar perjanjian Hudaibiyah Seterusnya, pembukaan semula kota ini membolehkan umat Islam untuk menunaikan umroh di Makkah Selain itu, tindakan tersebut adalah suatu cara untuk meneruskan dakwah islam atau penyebaran Islam di Makkah. Di samping itu cara tersebut adalah untuk meneguhkan lagi kerajaan Islam di Arab.

Jawapan hanya memenuhi sebahagian daripada kehendak tugasan juga isi jawapan tidak dihuraikan.

Soalan . 6

a) Nabi Muhammad SAW membuka semula kota tersebut adalah kerana kota Makkah adalah tempat untuk bersemadi dengan Allah SWT dan tempat pengampunan dosa. Selain itu, ~~Nabi Muhammad Orang Ar~~ Aus dan Khazraj menerim Islam dengan aman oleh itu mereka membenarkan Nabi Muhammad membuka semula kota Makkah.

Jawapan dikemukakan tidak relevan dengan kehendak tugasan.

(*b*) Pada pandangan anda, mengapakah kota Makkah berjaya dibuka dengan mudah?

Calon diminta mengemukakan sebab-sebab kota Makkah berjaya dibuka dengan mudah.

Pada pandangan saya, kota Makkah berjaya dibuka dengan mudah disebabkan oleh sebab-sebab yang tertentu. Sebab pertama adalah di mana Nabi Muhammad SAW tidak menggunakan kekerasan untuk menghadapi penentang-penentang Islam. Hal tersebut juga disebabkan oleh kebijaksanaan Nabi Muhammad SAW. Selain itu, strategi pengepungan kota Makkah turut memudahkan pembukaan semula kota Makkah. Seterusnya, semangat yang tinggi dan taat setia pengikut-pengikut atau umat islam kepada Nabi Muhammad juga merupakan salah satu daripada sebab-sebab kota Makkah dibuka dengan mudah.

Setiap isi dihuraikan dengan jelas dan disertai dengan contoh yang sesuai.

Pada pandangan saya, Kota Makkah berjaya dibuka dengan mudah kerana mendapat sokongan daripada segelintir pihak. Nabi Muhammad S.A.W bertawaf 7 kali, Nabi Muhammad juga membacakan ayat al-Quran dan Nabi Muhammad menjamin keselamatan orang Quraisy serta mengampun orang Quraisy.

Hanya sebahagian sahaja isi jawapan dinyatakan tanpa huraian lengkap.

b) Pada pandangan saya, kota Makkah dibuka dengan mudah kerana berakhirnya persengketaan antara suku Aus dan Khazraj. Dalampada itu, wujud persaudaraan antara muhajirin orang Islam Makkah yang berhijrah ke Madinah dengan Ansar iaitu orang Islam Madinah.

Selain itu, jemputan daripada suku Aus dan Khazraj kerana suasana di Madinah pada masa itu kurang aman akibat pengeseran antara suku Arab dan penguasaan ekonomi antara orang yahudi di Madinah

Jawapan yang berikan tidak menepati kehendak tugasan.

(c) (i) Jelaskan kesan pembukaan semula kota Makkah terhadap perkembangan Islam. [6 *markah*]

Calon diminta menjelaskan kesan pembukaan semula kota Makkah ke atas perkembangan Islam.

kesannya dari segi politik adalah pemimpin mengikuti teladan Nabi Muhammad SAW semasa mentadbir kota Makkah ~~berd~~ berdasarkan perintah-perintah di dalam al quran bagi memerintah suatu negara. Dari segi ekonomi, sesebuah negara membahagikan hasil ekonomi negara dengan ... dan sama rata kepada negeri-negeri naungannya. Dari segi sosial rakyat mengamalkan nilai-nilai murni yang disarankan dalam Islam untuk digunakan.

Jawapan dikemukakan calon dihuraikan dengan contoh-contoh yang sesuai dengan soalan.

i) Terdapat beberapa kesan pembukaan semula kota Makkah terhadap perkembangan Islam. Antara kesannya, ialah di mana penyebaran Islam dapat dilakukan dengan lebih meluas. Seterusnya, penduduk di Makkah mendapat penyebaran Islam dan umat Islam boleh menunaikan umroh di Makkah. Selain itu, Islam dapat berkembang ke seluruh Tanah Arab. Di samping itu, pembukaan semula kota itu menambah bilangan umat Islam dan dapat meninggalkan amalan Jahiliah yang kurang baik. Hal tersebut turut mengukuhkan lagi kerajaan Islam di tanah Arab.

Jawapan diberikan kurang jelas dan tidak disertakan contoh-contoh yang sesuai.

Pembukaan semula kota Makkah terhadap perkembangan Islam membawa kepada pembinaan empayar Islam pertama di dunia. Ajaran Islam juga terus disebarkan secara aman dan tanpa paksaan.

Isi jawapan yang diberi tidak memenuhi kehendak tugasan.

(ii) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan Nabi Muhammad SAW membuka semula Kota Makkah tanpa pertumpahan darah. [6 *markah*]

Calon diminta menjelaskan iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa pembukaan semula kota Makkah tanpa pertumpahaan darah.

Kita harus bersikap pemaaf. Selain itu, kita harus mempunyai nilai kebijaksanaan
Di samping itu, kita juga perlu merancang strategi semasa melakukan
sesuatu perkara. Kita juga harus bersikap bertolak ansur kita juga perlu
memahami perjanjian. Selain itu, kita mesti berjanji melakukan apa yang kita
janjikan. Seterusnya, kita juga bersikap tabah menghadapi cabaran. Kita juga
perlu mempunyai nilai amanah. Selain itu, kita juga harus bertanggungjawab
semasa melakukan sesuatu.

Isi jawapan dihuraikan dengan lengkap beserta contoh-contoh yang sesuai.

Iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan Nabi
Muhammad SAW membuka semula Kota Makkah tanpa
pertumpahan daran adalah semangat kegigihan dan tidak
beputus asas. Mengadakan semangat berani dan rasional.
Mengadalcan kebijaksanaan dalam melaku sesuatu. Sebelum
melakukan sesuatu perkara perlu memikil.

Jawapan yang dikemukakan hanya menjawab sebahagian daripada kehendak tugasan.

Iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan Nabi Muhammad SAW membuka semula Kota Makkah tanpa pertumpahan darah ialah bijak mengatur strategi. Contohnya Nabi Muhammad SAW tidak menggunakan kekerasan semasa dalam proses membuka semula kota Makkah.

Isi yang dikemukakan mengandungi fakta yang terlalu minimum.

7 Pentadbiran British di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah sejak abad ke-19 telah membawa perubahan dalam sistem pemilikan dan penggunaan tanah.

(*a*) Terangkan tindakan British untuk mengubah sistem pemilikan dan penggunaan tanah di negara kita. [8 *markah*]

Soalan meminta calon mengemukakan tindakan yang dilakukan oleh pihak British untuk mengubah sistem pemilikan dan pengunaan tanah di negara kita.

Apabila kedatangan British di Tanah Melayu, British mengubah sistem pemilikan dan penggunaan tanah di negara kita dengan memperkenalkan sistem daraf. Tanah yang hendak diusaha harus dimohon di Jabatan-jabatan yang tertentu dan Residen berhak meluluskan hak pemilikan tanah. Tanah mula dibezakan melalui nilai tanah yang bergantung kepada jenis tanah dan perkara yang diusahakan atas tanah tersebut. Undang-undang mula diperkenalkan seperti Peraturan Tanah Sungai Ujong, Kanun Tanah Selangor, dan Peraturan Tanah Perak. Akta Tanah Simpanan Melayu juga

dikenalkan untk menjaga hak orang Melayu dengan syarat mereka tidak boleh menjualkannya mengusahakan tanah dengan tanaman komersial, tetapi boleh diwarisi. Lands Order dan Land Settlement Order turut diperkenalkan di Sarawak dengan tanah dibahagi kepada tanah campuran yang boleh diusaha oleh imigran dan tanah simpanan yang diberi kepada golongan tempatan; Proklamasi IX diperkenalkan di Sabah untuk melindungi hak penduduk tempatan

Jawapan tepat dan bersesuaian dengan kehendak tugasan. Isi-isi yang dikemukakan menepati tindakan British untuk mengubah sistem pemilikan dan penggunaan tanah di negara kita dan isi yang dikemukakan diberikan huraian.

Sebelum kedatangan British, masyarakat hanya perlu memohon kepada pembesar untuk mengusahakan tanah tertentu. Tanah tersebut akan menjadi hak sendiri dan boleh diwarisi kepada generasi sendiri. Namun, sistem ini bertentangan dengan sistem Barat. Pihak British beranggap sistem tersebut tidak dapat membuktikan hak pemilikan tanah tersebut. Oleh itu, pihak British mewajibkan tuan pemilik tanah untuk memperoleh surat pemilikan. Sistem baru ini memudahkan pembayaran cukai dan dapat dijadikan pajakan. Pihak British telah memperkenalkan sistem cukai terhadap tanah-tanah tersebut. Cukai ditentukan oleh jenis tanaman. Undang-undang Tanah yang diperkenalkan oleh pihak British memberi kuasa kepada Residen untuk menentukan konsesi tanah yang akan diberi kepada tuan pemilik tanah. Segala pembayaran cukai kena dibayar dalam bentuk wang. Oleh itu, terdapat banyak petani yang tidak mampu membayar telah menjualkan tanahnya. Akta Tanah Simpanan diwujudkan oleh pihak British. Akta tersebut tidak membenarkan orang Melayu untuk menjualkan tanah kepada orang bukan Melayu. Pihak British berkuasa menentukan sesebuah tanah sebagai tanah simpanan. Land Order dan Land Settlement Order telah diwujudkan di Sarawak dan Sabah. Dengannya sistem yang diperkenalkan oleh pihak British, tanah dibahagi kepada tanah simpanan, tanah campuran dan tanah pedalaman. Pedagang hanya boleh membeli tanah campuran.

Jawapan hanya meliputi sebahagian daripada isi yang diperlukan oleh kehendak tugasan.

(a)(i) menanam apa dalam pasar dunia yang mahu sepert menanam kopi kerana permintaan tinggi dan mutu yang berkualiti.

(ii) mengadakan kemudahan untuk bawa atau hantar bekalan.

(iii) mengena cukai.

Jawapan yang dikemukakan tidak menepati kehendak tugasan

(*b*) Jelaskan muslihat British mengubah sistem pemilikan dan penggunaan tanah.

[6 *markah*]

Tugasan meminta calon untuk mengemukan muslihat British mengubah sistem pemilikan tanah di negara kita seperti untuk memenuhi kepentingan ekonomi British, memudahkan urusan pentadbiran tanah dan mengekalkan peribumi sebagai petani tradisional.

Pihak British mengubah sistem tanah agar mereka dapat segalan informasi tentang tanah yang subur atau tanah yang berkualiti untuk mereka mengaut keuntungan. Selain itu, mereka ingin proses yang dijalankan adalah sistematik untuk direkod dan disahakan dengan sempurna. Hal ini, tanah yang kurang subur akan dijadikan Tanah simpanan kepada orang Melayu agar mereka ditipu dengan niat 'baik' pihak British dengan memberikan sebidang tanah. Selain itu, British ingin mengeksploitasikan manfaat Tanah Melayu dan melalui ini, penjajah lain tiada hak untuk mendapat tanah yang berpasaran di Tanah Melayu. Seterusnya, pihak British ingin menjajah Tanah Melayu dengan Tempoh masa yang panjang agar keuntungan yang didapat melalui pinaklukan sistem pemilik dan penggunaan tanah. Kadar cukai yang dikenakan terus menjadi punca ekonomi pihak British.

Jawapan menepati kehendak tugasan dan disokong dengan isi yang dihuraikan dengan tepat beserta contoh-contoh yang sesuai.

Muslihat British adalah untuk menjaga kesinambungan tanah orang Melayu. British juga ingin mengukuhkan kuasanya. British turut ingin mendapatkan keuntungan daripada cukai yang dikenakan. British ingin menguasai ekonomi masyarakat tempatan tersebut. British ingin menjaga keseimbangan tanaman. British ingin menjaga kesuburan tanah tersebut. British ingin menjadikan orang Melayu sebagai petani.

Isi yang dikemukakan dalam jawapan hanya meliputi sebahagian daripada kehendak tugasan tanpa huraian yan lengkap.

Kerajaan Selangor terpaksa menerima residen kerana raja Johor mendesakkan raja selangor untuk menerim a residen.

Jawapan yang diberikan tidak menepati kehendak tugasan

(c) Sekiranya anda sebagai pemimpin masyarakat tempatan pada waktu itu, bagaimanakah anda mempertahankan tanah hak milik masyarakat tempatan?

[6 *markah*]

Calon diminta mengemukakan cara untuk mempertahankan tanah hak milik masyarakat tempatan sekiranya diri mereka dilantik sebagai pemimpin masyarakat tempatan.

Saya akan memperkenalkan Undang-undang Tubuh kerajaan untuk memelihara kedaulatan tanah yang dimiliki melalui sokongan daripada penduduk disana. Selain itu, saya akan menguruskan tanah itu terlebih dahulu dan harus mendapatkan kebenaran sebelum menjajah tanah ini. Saya akan mendapatkan tanda pengiktirafan daripada sultan untuk menjamin hak penduduk tempatan untuk memiliki tanah itu. Di samping itu, saya akan melahirkan masyarakat tempatan yang mempunyai semangat benci akan penjajah yang kental. Perasaan cinta akan negara turut akan dididik.

Jawapan yang dikemukakan menepati cara-cara yang boleh diambil oleh seorang pemimpin untuk mempertahankan tanah hak milik masyarakat tempatan. Antara isi jawapan yang dikemukakan ialah mengelak campur tangan asing dan memperkenalkan undang-undang tanah.

Sekiranya saya sebagai pemimpin tempatan masyarakat tempatan, saya akan menghantar surat bantahan ke ibu pejabat British. Saya akan memimpin masyarakat tempatan untuk melakukan demonstrasi. Saya akan mengumpul tandatangan masyarakat setempat lalu hantar kepada British agar mereka sedar akan ketegasan kita menolak perubahan sistem. Saya akan meminta bantuan pembesar lain untuk menyerang pihak British. Saya akan mengadakan perbincangan dengan pihak British. Saya akan bersepakat dengan pihak lain dan mengumpul tentera untuk menyerang British.

Cara untuk mengekalkan hak milik tanah yang dikemukakan dalam jawapan hanya menepati sebahagian daripada kehendak tugasan tanpa huraian.

Menggalakan persidangan rasmi kalau tak setuju, mengadakan perjanjian dengan british untuk damai. Kita memlengkapi dengan senjata moden dan askar terlatih agar mempertahankan tanah air kita.

Jawapan yang dikemukakan tidak menepati kehendak tugasan.

8 Negara-negara Asia Tenggara telah mengalami perubahan pentadbiran setelah kedatangan imperialis Barat dengan pengenalan sistem birokrasi Barat sejak abad ke-19.

*a)* Terangkan ciri sistem birokrasi Barat tersebut. [4 *markah*]

Soalan mengkehendaki calon menerangkan ciri-ciri sistem birokrasi Barat sejak abad ke 19

antara ciri sistem birokrasi ialah penubuhan ~~kerajaan~~ jabatan pusat hasil penyatuan wilayah-wilayah kecil Pengenalan undang-undang barat. Perlantikkan gabenor jeneral dalam urusan pentadbiran pengenalan jabatan-jabatan yang dikenali sebagai biro. Perlantikkan pegawai british dalam jabatan.

Jawapan disertakan dengan huraian yang lengkap dan contoh yang sesuai

Terangkan ciri sistem birokrasi Barat tersebut.
Antara ciri-ciri sistem birokrasi Barat ialah pentadbiran melalui biro atau jabatan, selain itu, perlantikan gabenor diwujudkan. Seterusnya,

Jawapan yang diberikan hanya menyatakan sebahagian daripada ciri sistem birokrasi Barat.

ciri sistem birokrasi barat ialah pegawai daerah dilantik dan residen dan penasihat diberi berkhidmat bersama sultan

Jawapan yang dikemukakan paling minimum.

(*b*) Terangkan kesan pengenalan sistem birokrasi Barat terhadap penduduk tempatan di Asia Tenggara sebelum mencapai kemerdekaan. [4 *markah*]

Soalan mengkehendaki calon menerangkan kesan sistem birokrasi Barat ke atas penduduk tempatan di Asia Tenggara sebelum mencapai kemerdekaan.

b) kesan pengenalan sistem birokrasi Barat terhadap penduduk tempatan di Asia Tenggara sebelum kemerdekaan adalah menyebabkan orang melayu dipinggirkan. selain itu, pembesar melayu hilang kuasa. seterusnya, kuasa raja terhakis dalam pentadbiran. Bukan itu sahaja, penduduk tempatan tidak diberi layanan yang istimewa dan segala hasil kutipan cukai mahupun hasil tanaman tidak menyebelahi orang melayu. Penduduk tempatan tidak dilantik di dalam pentadbiran. orang melayu juga diasingkan di pedalaman daripada kaum lain.

Setiap isi dihuraikan secara jelas dan terperinci beserta contoh-contoh yang berkaitan.

Terangkan kesan pengenalan sistem birokrasi Barat terhadap penduduk tempatan di Asia Tenggara sebelum mencapai kemerdekaan.

Antara kesan pengenalan sistem birokrasi Barat terhadap penduduk tempatan di Asia Tenggara sebelum mencapai kemerdekaan ialah penduduk tempatan tidak dapat memajukan diri berikutan sikap pilih kasih barat terhadap orang melayu. Selain itu, pentadbiran dapat dilicinkan. Seterusnya, setiap negeri-negeri dapat berdaulat dengan lebih teratur. Wujudnya peraturan-peraturan baru hampir di setiap negeri.

Jawapan diberikan hanya menjawab sebahagian daripada kehendak tugasan dan tidak dihuraikan dengan terperinci.

Peperangan yang berlaku dan negara tidak didahulukan

Jawapan dikemukakan calon tidak memenuhi kehendak tugasan.

(*c*) (i) Pada pendapat anda, apakah kesan sekiranya sistem birokrasi Barat tidak dilaksanakan di Asia Tenggara? [6 *markah*]

Soalan mengkehendaki calon menyatakan kesan yang akan berlaku sekiranya sistem birokrasi Barat tidak dilaksanakan di Asia Tenggara

i) Pada pendapat saya, kesan sekiranya sistem birokrasi Barat tidak dilaksanakan di Asia Tenggara ialah kemungkinan Malaysia kini setaraf dengan negara maju luar dan perkembangan dari segi ICT pula cepat. Selain itu, konsep penghambaan akan kekal wujud dalam kalangan istana. Seterusnya, Negara akan kekal aman tanpa dijajah dan hasil bahan mentah masih banyak dan belum

diterokai, bukan itu sahaja, tidak berlakunya rusuhan kaum dan konfrentasi. Akhir sekali, tiada wujudnya gerakan islah, majalah dan novel yang dihasilkan untuk menyedarkan rakyat dan pembesar.

Jawapan yang diberikan calon menepati kehendak tugasan

kesan sekiranya sistem birokrasi barat tidak dilaksanakan di Asia tenggara ialah sistem pentadbiran tidak teratur. berlaku pepecahan kawasan kerana pembahagian kawasan kepada pembesar. Seterusnya, masyarakat akan menjadi mundar.

Isi dihuraikan namun hanya sebahagaian tugasan yang dijawab

i) Kebenaran ialah Dato onn jaffar yang bertungkus-lumus ulang-alik london untuk berunding kemerdekaan di malaysia.

Jawapan tidak relevan dengan kehendak tugasan yang mengkehendaki calon menyatakan kesan.

(ii) Sebagai pemimpin, apakah yang akan anda lakukan untuk mewujudkan sistem birokrasi yang berkesan di negara kita? [6 *markah*]

Soalan mengkehendaki calon sebagai pemimpin bagi mewujudkan sistem birokrasi yang berkesan di negara kita

ii) sebagai pemimpin, cara yang akan saya lakukan untuk mewujudkan sistem birokrasi yang berkesan di negara kita ialah mengamalkan Amalan prinsip Raja berpelembagaan. selain itu, mengenakan undang-undang yang ketat. mentadbir negara dengan bijaksana. Melantik golongan yang berwibawa daripada golongan tempatan untuk melicinkan pentadbiran. seterusnya, mentadbir dengan adil tanpa memihak kepada mana-mana kaum. Agama islam dijadikan agama rasmi dan bahasa melayu dijadikan bahasa kebangsaan dan penghantar. Meletakkan para ulama' untuk menasihati raja dalam ilmu agama.

Jawapan dihuraikan dengan lengkap beserta contoh-contoh yang sesuai.

(ii) Sebagai pemimpin perkara yang wajar saya lakukan untuk mewujudkan sistem birokrasi yang berkesan ialah mengadakan mesyuarat pemilihan ketua bagi menjamin masa depan yang cerah. Selain itu, saya juga akan menggubal semua undang-undang bagi penduduk di negara kita mendapat hak masing-masing. Lantaran itu, saya akan memastikan ekonomi dan kedudukan negara dalam keadaan yang stabil dan selamat.

Jawapan yang dikemukakan hanya menjawab sebahagian daripada kehendak tugasan.

ii) Mengekalkan sikap demokrasi, penyayang dan penyabah.

Jawapan yang diberikaan hanya memenuhi markah minimum

9 (*a*) Jelaskan ciri prinsip demokrasi yang diamalkan di Negeri Sembilan sebelum kedatangan penjajah Barat. [4 *markah*]

Calon diminta untuk menjelaskan ciri prinsip demokrasi yang diamalkan di Negeri Sembilan sebelum kedatangan penjajah Barat.

(a) Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri demokrasi sebelum kedatangan British. Pemilihan pemimpin dipilih daripada bawah iaitu Anak Buah, Buapak, Lembaga, Undang dan Yang Di-Pertuan Besar. Anak buah melantik Buapak. Buapak melantik Lembaga. Lembaga melantik Undang. Undang melantik Yang Di-Pertuan Besar. Walaupun Yang Di-Pertuan Besar mempunyai kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan Negeri Sembilan, namun beliau tidak mempunyai hak melantik orang yang akan menggantikan pemerintahannya. Segala keputusan dibuat rundingan terlebih dahulu bersama Undang. Buapak merupakan ketua Perut. Semua masalah yang berkaitan dengan adat dirujuk kepada Buapak. Buapak juga merupakan ketua Suku.

Jawapan yang dikemukakan dapat menyatakan prinsip demokrasi yang amalkan di Negeri Sembilan sebelum kedatangan penjajah British.

9. a. Ciri prinsip demokrasi yang diamalkan di Negeri Sembilan sebelum kedatangan penjajah Barat ialah Adat perpatih.

Yang menjadikan raja sebagai kuasa tertinggi dan pembesar utama dalam negeri.

Mempunyai beberapa jawatan seperti bendahara laksmana Temenggung yang ~~at~~ disandang.

Seterusnya, mementingkan jurai keturunan ibu dan Anak lelaki berhak mewarisi harta peninggalan keluarga.

Isi jawapan yang diberikan hanya dapat menyatakan sebahagian daripada kehendak tugasan.

Ciri prinsip demokrasi yg. diamalkan di Negeri Sembilan sebelum kedatangan penjajah Barat ialah Adat Perpatih. Dlm. prinsip ini, ianya mengandungi lembaga, Anak Buapak, Undang & Yang-Dipertuan Besar. Ini mewarisi jurai keturunan ibu. Pelantikan raja mengikut keturunan raja & lelaki. Sekiranya putera dlm keturunan raja, maka pemaisuri tidak boleh mewarisi takhta tersebut.

Jawapan yang dikemukakan masih menepati kehendak tugasan namun isi tidak mencukupi.

(*b*) Jelaskan sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia sekarang.

[4 *markah*]

Calon diminta untuk menjelaskan sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia sekarang.

(b) Sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia sekarang ialah rakyat memilih seorang wakil untuk memerintah negara melalui pilihan raya. Pilihan raya diadakan lima tahun sekali di Malaysia. Perdana Menteri merupakan pemimpin negara. Yang Di-Pertuan Agong ialah kuasa tertinggi dalam negara. Baginda juga merupakan ketua agama ketua hakim dan ketua tentera. Malaysia mempunyai Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Malaysia juga mempunyai Parlimen yang mana Parlimen merupakan asas kepada sesebuah kerajaan yang mengamalkan prinsip demokrasi. Dalam pilihan raya, wakil yang mendapat undian tertinggi dikira sebagai pemenang. Rakyat bebas memilih wakil yang mereka sukai sama ada bahagian Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

Jawapan dikemukakan calon dapat menghuraikan dengan tepat sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara kita pada hari ini.

b. Sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia pada zaman sekarang ialah demokrasi berparlimen.
Malaysia mempunyai parlimen yang kukuh untuk mentadbir negara.
Demokrasi berparlimen mempunyai jawatan kuasa yang penting.
Selain itu, demokrasi berparlimen juga mengutamakan raja sebagai kuasa tertinggi di dalam Negara dan pembubaran parlimen dilakukan oleh Yang di-pertuan Agong sendiri.

Jawapan yang dikemukakan hanya memenuhi sebahagian daripada kehendak tugasan.

Sistem demokrasi yg. diamalkan di Malaysia sekarang berdasarkan perlembagaan. Yang-Di pertuan Agong mempunyai kuasa dlm. pembubaran parlimen. Sesuatu undang yg. dikemukakan mestilah mendapat kebenaran drp. Yang-Dipertuan Agong utk. diluluskan. Syarat utk. menjadi Ahli Dewan Negara mestilah menang dlm. pilihanraya. Undang yg. diperkenalkan mengambil masa yg. lama utk. diluluskan.

Jawapan diberikan ringkas dan berdasarkan pengetahuan am calon.

(c) (i) Berdasarkan pengetahuan anda, terangkan kebaikan amalan demokrasi dalam sesebuah negara. [6 *markah*]

Calon diminta menyatakan kebaikan amalan demokrasi dalam sesebuah negara.

(C) (i) Berdasarkan pengetahuan saya, antara kebaikan amalan demokrasi dalam sesebuah negara ialah dapat melantik pemimpin negara yang berwibawa dan berkelayakan.

Selain itu, amalan ini juga dapat mengelakkan peperangan dalam sesebuah negara. Seterusnya, amalan demokrasi dapat memupuk perpaduan antara kaum tanpa mengira warna kulit, bangsa dan agama. Selain itu, amalan ini dapat mewujudkan ikatan antara rakyat dan pemerintah. Seterusnya, amalan ini dapat mewujudkan sebuah negara yang aman dan harmoni dengan perpaduan yang utuh antara kaum. Selain itu, sebuah negara yang maju dapat dibentuk disebabkan peranan pemimpin untuk memajukan negara. Seterusnya amalan ini dapat memupuk semangat patriotik dan cinta akan negara dalam kalangan rakyat sesebuah negara. Selain itu, sebuah negara bangsa yang berdaulat dapat diwujudkan. Seterusnya, amalan ini menjamin kestabilan ekonomi dalam kalangan rakyat kalangan rakyat.

Jawapan yang dikemukakan dapat menerangkan kebaikan amalan demokrasi dalam sesebuah negara.

c.i) Kebaikan amalan demokrasi dalam sesebuah negara ialah dapat melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat dengan sebaiknya.

Dapat melicinkan jawatankuasa pentadbiran dengan kerjasama parlimen. Selain itu, dapat menjadikan negara yang aman dan tidak mempunyai masalah pentadbiran.

jawapan dikemukakan calon hanya dapat menyatakan sebahagian daripada kehendak tugasan.

Berdasarkan pengetahuan Saya, kebaikan amalan demokrasi dlm. sesebuah negara ialah dpt. memajukan ekonomi negara. Selain itu, rakyat dpt. hidup dgn selesa. Pelaksanaan undang² dpt. dikekalkan. Menjamin perpaduan antara kaum. Dpt. memajukan negara. Menjamin kestabilan politik, ekonomi & sosial. Memudahkan urusan pentadbiran.

Jawapan yang dikemukakan terlalu minimum dan berulang dan tidak memenuhi kehendak tugasan.

(ii) Bagaimanakah sistem demokrasi di Malaysia dapat dikekalkan?

[6 *markah*]

Soalan mengkehendaki calon mengemukakan cara untuk mengekalkan sistem demokrasi di Malaysia

(ii) Sistem demokrasi di Malaysia dapat dikekalkan dengan perpaduan yang utuh antara kaum di Malaysia. Selain itu, pemimpin negara mestilah menjalankan pemerintahan yang adil dan saksama untuk mendapatkan sokongan rakyat. Seterusnya, rakyat mestilah menanam semangat cinta akan negara dan mengambil tahu akan sistem demokrasi. Selain itu, rakyat mestilah mengetahui tanggungjawab mereka sebagai warganegara dengan mengundi dalam pilihan raya. Seterusnya, pemimpin negara mestilah menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara luar. Selain itu, media massa sama ada elektronik atau cetak perlu menyiarkan artikel atau iklan mengenai sistem demokrasi di Malaysia.

Jawapan yang dikemukakan mencadangkan langkah yang berkesan demi mengekalkan sistem demokrasi di Malaysia.

c.ii.) Sistem demokrasi di Malaysia dapat dikekalkan dengan kecekapan Raja yang menguruskan. kerjasama ahli parlimen dalam mengendalikan pentadbiran.

Seterusnya. Negara luar yang ingin bekerjasama dengan negara Malaysia. Rakyat Malaysia yang memberikan sokongan moral kepada Malaysia.

Kesefahaman semua lapisan masyarakat dan rundingan antara Malaysia dengan negara luar.

Jawapan yang dikemukakan calon hanya menjawab sebahagian daripada kehendak tugasan.

Sistem demokrasi di Malaysia dpt. dikekalkan kerana kerjasama antara masyarakat. Kestabilan politik terjamin Mengukuhkan perpaduan antara kaum. Menguasai ilmu pengetahuan. Mempunyai strategi yg berkesan Mematuhi undang². Mempunyai semangat cintakan negara & tanah air.

Jawapan hanya mengemukakan isi tanpa huraian yang lengkap.

**10** Gambar 1 menunjukkan peristiwa Pengisytiharan Malaysia pada 16 September 1963.



Gambar 1

(*a*) Jelaskan faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia. [4 *markah*]

Calon dikehendaki untuk menjelaskan faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia

faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia ialah faktor politik. Lee Kuan Yew berasa bimbang dengan pengaruh Barisan Sosialis yang berhaluan kiri. Selain itu, bagi mendapatkan kemerdekaan yang segera bagi Sabah, Sarawak, Singapura dan Brunei. Faktor lain ialah faktor ekonomi. Pembentukan Malaysia dapatt memperluaskan kegiatan ekonomi perdagangan. Selain itu, keistimewaan yang terdapat di Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura boleh digunakan sebaik-baiknya untuk kepentingan bersama. Faktor yang terakhir idlah faktor sosial. Pembentukan Malaysia dapat mengimbangkan jumlah dan kadar pertumbuhan kaum.

Jawapan yang dikemukakan calon dapat menyatakan faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia dengan tepat.

a) Faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia ialah masalah keselamatan. Lee Kuan Yew bimbang dengan Barisan Sosialis yang akan memberi ancaman kepada British yang ingin memerdekakan Singapura. Barisan Sosialis merupakan parti berhaluan kiri. Faktor ekonomi pula, pembentukan Malaysia menjamin kedudukan ekonomi yang lebih kukuh. Faktor politik, pembentukan Malaysia turut menjamin kestabilan politik yang lebih kukuh. Ancaman komunis, Persekutuan Tanah Melayu berpengalaman dengan ancaman komunis.

Jawapan calon memenuhi kehendak tugasan namun huraian yang diberi terlalu ringkas.

a) faktor yang membawa kepada pembentukan Malaysia ialah negara kerajaan, bangsa, dan undang-undang.

Jawapan yang dikemukakan tidak relevan dan tidak memenuhi kehendak tugasan.

(*b*) Jelaskan reaksi Indonesia terhadap pembentukan Malaysia. [4 *markah*]

Calon dikehendaki untuk menjelaskan reaksi Indonesia terhadap pembentukan Malaysia.

Reaksi Indonesia terhadap pembentukan Malaysia pada awalnya tidak menunjukkan sebarang reaksi. Indonesia mula menyatakan pembentukan Malaysia merupakan satu bentuk penjajahan yang baru. Indonesia menolak pembentukan Malaysia dan mengadakan Ganyang Malaysia. Indonesia mengadakan bantahan dan demokrasi tetapi dapat diatasi kerana pemimpin Malaysia meminta bantuan daripada Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

Jawapan yang dikemukakan calon dapat menyatakan reaksi Indonesia selepas idea pembentukan Malaysia dan disokong dengan huraian dan contoh-contoh yang sesuai.

b) Reaksi Indonesia terhadap pembentukan Malaysia. ialah Indonesia telah membuat kempen Ganyang Malaysia' di atas pembentukan Malaysia. Selain itu, Indonesia telah membuat satu dasar konfrontasi terhadap pembentukan Malaysia. Indonesia juga turut menceroboh ruang udara Tanah Melayu.

Calon hanya menjawab sebahagian daripada kehendak tugasan dan tidak disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai.

Reaksi Indonesia terhadap pembentukan Malaysia ialah mengadakan konfrontasi dengan Malaysia. Melalui gagyang menghantar surat tentang penentangan tersebut.

Jawapan dikemukakan tidak mencukupi dengan kehendak tugasan.

(c) (i) Kebijaksanaan pemimpin negara kita telah berjaya menangani cabaran yang dihadapi semasa pembentukan Malaysia. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut. [6 *markah*]

Calon dikehendaki untuk membuktikan kebijaksanaan pemimpin negara berjaya dalam menghadapi cabaran dalam pembentukan Malaysia.

kebenaran kebijaksanaan pemimpin negara kita berjaya menangani cabaran yang dihadapi semasa pembentukan Malaysia ialah Tunku Abdul Rahman membuat lawatan di Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura. Lawatan tersebut bertujuan menjelaskan konsep, tujuan dan matlamat gagasan Malaysia. Hasil lawatan tersebut Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum (JPPK) ditubuhkan. JPPK ditubuhkan bagi mendapat pandangan dan menghantar laporan kepada British tentang pengabungan Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura. Brunei menghantar pemerhati pada tiga mesyuarat

Cobbold : Suruhanjaya Cobbold membuat tinjauan dan penilaian tentang pandangan penggabungan Sabah, Sarawak Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Sabah, Sarawak, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu bersetuju membentuk Malaysia. Suruhanjaya Cobbold mencadangkan nama Malaysia sebagai nama baru negara yang dibentuk dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Cadangan Suruhanjaya Cobbold diperincikan oleh Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK). Filipina dan Indonesia tidak bersetuju dengan pembentukan Malaysia. MAPHILINDO ditubuhkan sebagai jalan penyelesaian pembentukan Malaysia dengan bantuan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu. (PBB). PBB membuat tinjauan sekali lagi di Sabah, Sarawak dan Singapura tentang pembentukan Malaysia. PBB melihat majoriti bersetuju untuk pembentukan Malaysia dijalankan.

Jawapan yang dikemukakan calon lengkap dan isi dihuraikan dengan jelas beserta dengan contoh-contoh yang sesuai.

c) i) Tunku Abdul Rahma tidak bersetuju dengan cadangan British untuk mengabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu sahaja. Ini kerana beliau bimbang akan berlaku ketidakseimbangan penduduk. Tunku Abdul Rahma turut memikirkan banyak negeri di kawasan untuk melindungi keselamatan negeri kerana ruang udara Tanah Melayu dicerobohi oleh Indonesia. Tunku Abdul

Jawapan yang dikemukan hanya memenuhi sebahagian daripada kehendak tugasan.

Bukti kebenaran pernyataan tersebut ialah negara aman dari ancaman penjajah. Negara yang maju. Tanah Melayu telah digabungkan dengan Sabah dan Sarawak menjadi sebuah negara iaitu Malaysia. Pemimpin bersatu padu dalam pembentukan Malaysia. Pemimpin juga berjaya menangani masalah yang dihadapi. Kebijaksanaan pemimpin dengan tidak menjalinkan hubungan dengan negara yang tidak bersefahaman.

Jawapan yang dikemukakan langsung tidak menepati kehendak tugasan.

(ii) Sebagai warganegara yang patriotik, apakah tanggungjawab anda untuk mengekalkan kedaulatan Malaysia? [6 *markah*]

Soalan mengkehendaki calon mengemukakan tanggungjawab untuk mengekalkan kedaulatan Malaysia.

Sebagai warganegara patriotik, tanggungjawab saya untuk mengekalkan kedaulatan Malaysia ialah sanggup mengorbankan harta dan nyawa dalam mempertahan negara daripada ancaman musuh. Kedua, menjalinkan hubungan silaturahim dan hidup bersatu padu dengan masyarakat yang berbilang kaum. Ketiga, menjadi masyarakat yang maju dalam memiliki ilmu pengetahuan. Keempat, menjadi masyarakat yang bermoral tinggi dan beretika. Kelima, menjadi masyarakat yang hidup aman dan makmur dengan masyarakat berbilang kaum yang lain. Keenam, menjadi masyarakat yang membudayakan kasih sayang. Akhir sekali, menjadi masyarakat yang matang adil dan bertoleransi.

Jawapan yang dikemukakan menunjukkan pendapat yang bernas tentang tanggungjawab untuk mengekalkan kedaulatan Negara Malaysia.

C)ii) Tanggungjawab saya untuk mengekalkan kedaulatan Malaysia ialah melindungi Negara daripada ancaman pihak musuh. selain itu, tidak mengkhianati negara sendiri. menghormati lagu negaraku. tidak memijak Jalur Gemilang. mengetahui Jata negara. memelihara kedaulatan negara.

Jawapan yang dikemukakan hanya menyatakan sebahagian daripada kehendak tugasan.

- Tanggungjawab untuk mengekalkan kedaulatan Malaysia ialah mengelakkan daripada pergaduhan. Menghormati bendera Malaysia. Mentaati raja sebagai pemerintah. Menyanyikan lagu negara. Hormati rukun negara. Menjalinkan hubungan dengan negara luar

Jawapan yang dikemukakan calon hanya mencapai markah minimum dan ayat yang dibina tidak lengkap.

**11** (*a*) Jelaskan latar belakang pertubuhan Komanwel. [4 *markah*]

Soalan mengkehendaki calon mengemukakan latar belakang pertubuhan Komanwel

Pertubuhan Komanwel dianggotai oleh negara-negara bekas tanah jajahan Britain. Berikutan desakan P.B.B untuk mengamalkan dasar dekolonisasi, British telah memerdekakan tanah jajahan mereka, namun menubuhkan pertubuhan Komanwel bagi menjalin hubungan dan persahabatan sesama negara anggota. Komanwel mempunyai sekurang-kurangnya

40 lebih negara anggota. Komanwel bertujuan menggalakkan perjalinan hubungan diplomatik, pertahanan, perdagangan dan persahabatan sesama anggota. Komanwel juga mengadakan Sukan Komanwel dua tahun sekali bagi menggalakkan semangat kesukanan.

Jawapan yang dikemukakan dapat menyatakan latar belakang dan ciri pertubuhan Komanwel dengan tepat ,padat dan jelas.

a) Pertubuhan Komanwel dianggotai oleh negara bekas tanah jajahan British. Antara anggotanya ialah Malaysia, Indonesia, Vietnam dan sebagainya. Pertubuhan ini tidak menyokong blok kapitalis mahupun Blok Komunis. Pertubuhan ini menjamin keamanan dan keselamatan anggotanya. Pertubuhan ini mengamalkan semangat setiakawan. Pertubuhan ini , memupuk perpaduan anggotanya. Pertubuhan ini menjaga kepentingan ekonomi, sosial dan awam. ditubuhkan pada 1971.

Jawapan yang dikemukakan calon hanya memenuhi sebahagian daripada kehendak tugasan.

a) latar belakang komanwel ialah pertubuhan antara negara-negara di dunia yang telah disatukan. komanwel telah dipersetujui oleh beberapa orang barat. Komanwel bertujuan untuk menyatukan negara-negara yang telah dijajah.

Jawapan yang diberikan tidak menepati kehendak tugasan.

(*b*) Jelaskan faedah yang diperoleh Malaysia sebagai negara anggota Komanwel.
[4 *markah*]

Soalan mengkehendaki calon menyatakan faedah yang diperoleh oleh Malaysia sebagai anggota Komanwel.

Salah satu faedah yang diperoleh Malaysia sebagai negara anggota Komanwel ialah bantuan ketenteraan. Anggota Komanwel akan menghulurkan bantuan pertahanan sekiranya Malaysia diancam. Selain itu, pemasaran bagi kegiatan perdagangan menjadi luas. Malaysia boleh memasarkan barangan tempatan dan menjalankan kegiatan import dari negara anggota dengan cukai yang rendah. Di samping itu, Malaysia boleh menjalinkan hubungan dengan negara anggota lain dan menarik pelabur asing, justeru memperoleh kepentingan ekonomi. Malaysia juga boleh bertukaran pendapat dan teknologi sesama negara anggota bagi memajukan negara.

Jawapan yang dikemukakan dapat menyatakan faedah kepada  Malaysia menganggotai pertubuhan Komanwel dengan jelas.

faedah yang diperoleh oleh malaysia sebagai anggota komanwel ialah meningkan ekonomi negara malaysia ia juga memudahkan negara malaysia menjalankan perdagangan. Malaysia juga dapat bertukar maklumat ilmu pengetahuan dan teknologi dengan anggota komanwel yang lain.

Jawapan yang dikemukakan calon terlalu ringkas tanpa huraian yang lengkap dan contoh-contoh yang sesuai.

Faedah yang diperoleh Malaysia sebagai negara anggota komanwel adalah dapat berkongsi sumber baru dari segi ekonomi dan sosial. Dari segi ekonomi, Malaysia akan mengeksport bahan yang baru kepada negara komanwel yang lain dan sebaliknya. Dari segi sosial pula, Malaysia sentiasa bekerjasama dengan anggota komanwel lain untuk memajukan taraf bahagian sosial.

Jawapan yang dikemukakan tidak relevan dan dengan kehendak tugasan.

(c) (i) Pada pandangan anda, bagaimanakah negara anggota Komanwel dapat bergiat cergas setanding dengan pertubuhan dunia yang lain?

[6 *markah*]

Calon diminta untuk memberkani cadangan dalam memajukan pertubuhan Komenwel agar setanding dengan pertubuhan dunia yang lain.

Pada pandangan saya, negara anggota Komanwel dapat bergiat cergas setanding dengan pertubuhan dunia lain melalui penubuhan persatuan kecil atau organisasi bertujuan menolong negara-negara dunia ketiga yang membangun. Persatuan-persatuan kebajikan ini mampu mengaktifkan penyertaan anggota. Di samping mengharumkan nama Pertubuhan Komanwel di persada antarabangsa. Selain itu, pertandingan Sukan Komanwel mampu menggiatkan semangat kesukanan dalam negara anggota masing-masing dan menjalin hubungan silaturahim. Di samping itu, negara-negara anggota Komanwel boleh berbincang mengenai isu-isu dunia dan berbincang cara menyelesaikannya. Deklarasi atau gerakan boleh dilakukan oleh negara anggota bagi menimbulkan impak besar mengenai ketuasaan dan kegigihan mereka. Selain itu, pertubuhan Komanwel boleh bekerjasama dengan pertubuhan dunia lain seperti Persatuan Kesihatan Dunia (WHO) untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh negara anggota yang susah. Di samping itu, negara anggota Komanwel boleh menghadiri persidangan-persidangan yang diadakan oleh pertubuhan lain bagi mendapat idea dan pengalaman bagi mengaktifkan lagi pertubuhan Komanwel.

Jawapan dikemukakan calon adalah bernas dan disokong dengan contoh yang tepat.

Negara anggota komanwel dapat bergiat cergas kerana Negara anggota ini mudah dalam menjalankan ekonomi negara mereka. Negara anggota komanwel juga mengamalkan perpaduan antara negara anggota. Negara anggota komanwel juga turut mengamalkan konsep berkecuali yang tidak campur tangan dalam pertubuhan yang lain. Negara anggota komanwel juga saling melengkap yang memudahkan mereka menjalankan perdagangan. Negara Anggota komanwel juga mengamalkan hubungan diplomatik yang kuat.

Isi jawapan yang dikemukakan calon tidak disertakan dengan huraian yang lengkap dan contoh-contoh yang sesuai.

Pada pandangan saya, negara anggota komanwel dapat bergiat cergas setanding dengan pertubuhan dunia yang lain melalui kerjasama anggota komanwel dengan sentiasa berpandangan jauh dan gigih berusaha untuk memajukan negara masing-masing. Selain itu, sentiasa berani mengharungi cabaran dalam bergiat cergas dengan pertubuhan dunia yang lain. Anggota komanwel juga sentiasa bertanggungjawab dalam pelbagai risiko yang dihadapi.

Jawapan yang dikemukakan tidak relevan dengan kehendak soalan.

(ii) Pada pendapat anda, mengapakah Malaysia perlu menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara lain?

Calon diminta untuk menjelaskan kepentingan Malaysia dalam menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara lain.

Negara malaysia perlu menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara lain ... memudahkan negara malaysia menjalankan perdagangan. Hubungan diplomatik dengan negara lain juga ~~mampu~~ membolehkan malaysia untuk memajukan ~~eto~~ ekonominya. Hubungan diplomatik yang terjalin juga menyebabkan malaysia bertukar ilmu pengetahuan dan teknologi negara lain. Hubungan diplomatik yang diamalkan juga ~~memp~~ memupuk perpaduan antara negara malaysia dengan negara lain. Hubungan diplomatik antara negara malaysia dengan negara lain akan membantu negara malaysia untuk memajukan lain negara malaysia. Hubungan diplomatik juga telah membantu malaysia untuk mencipta sesuatu yang baru dalam negara.

Jawapan yang dikemukakan tidak disokong dengan contoh yang sesuai.

pada pendapat saya, Malaysia perlu menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara lain agar Malaysia mempunyai ruang untuk berkongsi sesuatu bahan untuk kepentingan negara komanwel.

Jawapan yang dikemukakan tidak memenuhi kehendak tugasan.

## SARANAN KEPADA CALON

1. Semua tema/bab perlu dikuasai dan elakkan bergantung pada soalan ramalan.
2. Calon perlulah meneliti dan mengutamakan tajuk tertentu secara khusus supaya mereka dapat menguasai fakta penting dalam tajuk tersebut.
3. Calon perlu memperbanyakkan latih tubi seperti soalan-soalan sebenar SPM dan percubaan negeri-negeri.
4. Calon perlu memperbanyakkan perbincangan sesama rakan sebaya.
5. Calon perlu memahirkan diri dengan soalan berbentuk KBKK yang menawarkan markah yang agak tinggi.
6. Teliti dan fahami semua kata tugas soalan sebelum memilih soalan yang hendak dijawab.
7. Senaraikan isi ringkas sebelum menjawab soalan.
8. Tulisan calon perlulah bersih dan senang dibaca oleh pemeriksa.
9. Kuasai teknik menjawab Kertas 2 seperti memahami kata tugas dan kehendak soalan.
10. Elakkan menulis jawapan menggunakan ayat ringkas dan tidak gramatis.
11. Pengurusan masa yang betul agar tidak berlaku pembaziran masa.
12. Isu-isu semasa perlu dikuasai calon bagi menjawab soalan-soalan yang berbetuk KBKK.

## SARANAN KEPADA GURU

1. Pengajaran dan pembelajaran perlu meliputi keseluruhan tema yang terdapat dalam sukatan pelajaran.
2. Pelajar perlu didedahkan dengan cara menjawab yang betul dan tepat serta perlu memperbanyak latihan terutamanya kepada pelajar lemah.
3. Baiki kelemahan calon dan pertingkatkan prestasi mereka dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik.
4. Guru hendaklah merancang pengajaran dan pembelajaran dengan baik terutamanya menyelesaikan sukatan pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latih tubi yang berkesan dapat dilaksanakan.
5. Jadikan Sejarah satu subjek yang menyeronokkan dan cuba tingkatkan minat pelajar terhadap subjek ini.
6. Pastikan sentiasa bersedia menimba ilmu-ilmu baru berkaitan proses penggajaran dan pembelajaran.
7. Memberi pendedahan kepada pelajar berkaitan soalan yang berbentuk KBKK dan HOTS seawal di tingkatan empat.
8. Melatih pelajar menjawab soalan secara berlapis-lapis bagi sesuatu fakta dan bukan hanya memberi fakta semata-mata.